

Cadangan PM kepada usahawan

Teroka pasaran

Daripada A Nazri Abdullah

ISTANBUL, Khamis - Ahli perniagaan Malaysia dan Turki diminta segera meningkatkan usaha sama menerokai pasaran Selatan yang semakin berkembang hasil dasar liberalisasi dan pengurangan sekatan perdagangan di negara membangun dan negara ekonomi baru.

Berucap di mesyuarat bersama ahli perniagaan Malaysia-Turki di sini, hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ahli perniagaan kedua-dua negara perlu mengadakan hubungan langsung untuk berkongsi pengalaman dan maklumat berhubung peluang pasaran dan keperluan perdagangan masing-masing.

Menurut Perdana Menteri, pasaran di Selatan kini berkemampuan menawarkan pelbagai hasil keluaran daripada bahan mentah hinggalah barangan berteknologi tinggi.

Beliau gembira dengan hubungan rapat Malaysia-Turki dan berharap pertemuan ahli perniagaan pada hari ini akan mewujudkan hubungan perdagangan yang lebih kukuh pada masa akan datang.

"Walaupun nilai perdagangan Malaysia dan Turki meningkat daripada RM257.2 juta (AS\$100 juta) pada 1989 kepada RM483.5 juta (AS\$188 juta) pada 1993, tetapi perdagangan dua hala ini hanya mewakili satu peratus daripada perdagangan luar kedua-dua negara.

"Disebabkan kurang

perhubungan langsung, perdagangan Malaysia-Turki hanya tertumpu kepada minyak kelapa sawit, getah dan koko serta besi, sayur-sayuran, jentera elektrik, simen dan kain," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sektor swasta Malaysia kini digalakkan melabur di luar negara, justeru itu kedua-dua pihak perlulah sentiasa mengkaji peluang dan dasar bagi meningkatkan hubungan perdagangan dan mewujudkan lebih banyak projek usaha sama.

"Turki boleh menggunakan ahli perniagaan Malaysia untuk mengeksport barangan mereka ke negara membangun seperti China, Kemboja, India, Papua New Guinea, Filipina, Sri Lanka, Vietnam dan negara lain di Asia Timur yang mempunyai hubungan perdagangan rapat dengan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir menerangkan, Kerajaan Malaysia kini melaksanakan program khas yang dikenali perkongsian dengan Syarikat Perdagangan Am (GTC) bagi menggalakkan perdagangan Malaysia di negara berkecuali.

Tiga syarikat dipilih iaitu Edaran Otomobil Nasional Berhad, Sime Darby Berhad dan Kumpulan Guthrie Berhad bagi mengenal pasti sumber bahan mentah dan input lain yang diperlukan oleh syarikat di Malaysia serta menggalakkan eksport dan pelabur

Selatan

LIHAT MUKA 3

Teroka pasaran Selatan

DARI MUKA 1

an. Malaysia di negara Selatan termasuk Turki.

Sektor swasta Malaysia kini memiliki pengalaman dan pengetahuan teknikal khususnya dalam bidang pembuatan, pertanian, perlombongan, pelancongan, pembinaan, kewangan dan pembangunan infrastruktur yang boleh dimanfaatkan usahawan Turki.

Kira-kira 400 ahli perniagaan Malaysia dan Turki menyertai mesyuarat bersama yang diadakan oleh Lembaga Perhubungan Ekonomi Luar Turki. Beberapa memorandum kerjasama Malaysia-Turki turut ditan-datangani di majlis itu.

Perdana Menteri juga menerangkan kesungguhan Malaysia menjayakan perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi meningkatkan kewibawaan sistem perdagangan pelbagai hala. Malaysia menandatangani perjanjian WTO pada 6 September lalu.

Melalui perjanjian ini, pasaran Malaysia kini terbuka luas bagi kemasukan barangan pertanian dan perindustrian. Eksport barangan buatan Malaysia kini menikmati lebih daripada 45 peratus potongan tarif.

Dr Mahathir juga memberitahu ahli perniagaan

Turki dasar perdagangan bebas Malaysia kini menawarkan kepada pelabur asing untuk menyertai 64 sektor dan sub-sektor khususnya dalam perkhidmatan profesional bagi industri komputer, perkhidmatan audio-visual, maritim dan pengangkutan udara.

Katanya, Malaysia juga komited terhadap tanggungjawab memperbaiki peraturan dan kod perdagangan seperti anti-perlambakan, subsidi, peraturan lesen import, penilaian kastam dan pelbagai sekatan teknikal yang lain supaya memenuhi kehendak WTO.